

TRANSKRIPS TEMUBUAL PELAJAR 5

Hadi, Verbatim Temubual Pelajar 5, SMK B, (09.07.2013), (4:55)

1 H, TB, P5, SMK B, (09072013), (4:55)

2 **Pengkaji**

3 Assalamualaikum. Hari ini cikgu ingin menebual anda berkaitan dengan alam
4 sekitar. Apa yang anda faham tentang Pendidikan Alam Sekitar?

5 **Pelajar**

6 Waalaikumsalam. Pendidikan alam sekitar merupakan pengetahuan mengenai alam
7 sekitar seperti kepentingan alam sekitar, faedah menjaga alam sekitar dan akibat
8 kemusnahan atau kerosakan alam sekitar.

9

10 **Pengkaji**

11 Bagaimanakah pula dengan penerapan Pendidikan Alam Sekitar?

12 **Pelajar**

13 Pendidikan alam sekitar biasanya **diselitkan** sewaktu pengajaran dan pembelajaran
14 terutamanya dalam subjek-subjek seperti Biologi, Kimia, Sains dan Kemahiran Hidup.

15

16 **Pengkaji**

17 Bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar di rumah?

18 **Pelajar**

19 Biasanya dirumah, saya belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar daripada ibu
20 bapa saya. Sebagai contoh mereka akan **menasihati** saya supaya memelihara
21 alam sekitar. Selain itu kami juga akan berbincang dan bekerjasama dalam
22 menjaga alam sekitar. Contohnya kami akan **bergotong-royong** pada hujung
23 minggu untuk menjaga alam sekitar di sekeliling rumah kami.

24

25 **Pengkaji**

26 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam
27 Sekitar di rumah?

28 **Pelajar**

29 Antara masalah yang saya hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam Sekitar di
30 rumah, ibu bapa saya sibuk bekerja. Jadi mereka tidak dapat meluangkan masa
31 untuk mengajar saya mengenai pendidikan alam sekitar. Lagipun, kami kurang
32 mahir tentang penjagaan alam sekitar yang betul.

33

34 **Pengkaji**

35 Di sekolah, bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa
36 pengajaran dan pembelajaran (PdP) di dalam kelas?

37 **Pelajar**

38 Di sekolah, saya biasanya menjalankan eksperimen dan kerja amali untuk
39 mempelajari mengenai Pendidikan Alam Sekitar. Selain itu, kami juga akan
40 berbincang mengenai kepentingan alam sekitar dan menjawab soalan kuiz
41 mengenai alam sekitar.

42 **Pengkaji**

43 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari Pendidikan Alam
44 Sekitar semasa pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas?

45 **Pelajar**

46 Antara masalah-masalah yang anda hadapi dalam mempelajari pendidikan alam
47 sekitar ialah saya kurang faham tentang istilah-istilah yang digunakan. Ini merupakan

48 faktor penghalang untuk saya mempelajari Pendidikan Alam Sekitar dengan lebih
49 berkesan.

50

51 **Pengkaji**

52 Bagaimanakah anda belajar tentang Pendidikan Alam Sekitar semasa aktiviti ko-
53 kurikulum di sekolah?

54 **Pelajar**

55 Dalam kelab Sains dan Matematik kami telah menjalankan **kempen** Hijaukan
56 Bumi. Sebagai contohnya kami menyediakan satu taman herba dan sewaktu aktiviti
57 tersebut kami telah menanam pelbagai jenis tumbuhan untuk keceriaan sekolah
58 disamping menjaga ekosistem bumi.

59

60 **Pengkaji**

61 Apakah masalah-masalah yang anda hadapi semasa belajar tentang Pendidikan
62 Alam Sekitar dalam aktiviti ko-kurikulum di sekolah?

63 **Pelajar**

64 Aktiviti ko-kurikulum yang dijalankan adalah kurang berkaitan dengan alam sekitar
65 sebagai contohnya dalam Kelab Taekwando, kami lebih didedahkan dengan seni
66 mempertahankan diri. Disamping itu, masa yang terhad untuk ko-kurikulum disekolah
67 menyebabkan kami tidak dapat mempelajari pendidikan alam sekitar dengan lebih
68 mendalam.

69

70 **Pengkaji**

71 Selain dari pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas serta melalui aktiviti ko-
72 kurikulum, apakah cara lain anda dapat mempelajari Pendidikan Alam Sekitar di
73 sekolah?

74 **Pelajar**

75 Selain daripada pengajaran dan pembelajaran serta aktiviti ko-kurikulum di sekolah,
76 saya dapat mempelajari mengenai pendidikan alam sekitar melalui pembacaan.
77 Contoh nya pada waktu lapang saya biasanya akan pergi ke perpustakaan sekolah dan
78 membaca buku, majalah dan surat khabar berkenaan alam sekitar didalam perpustakaan
79 sekolah.

80 **Pengkaji**

81 Pada pandangan anda, adakah pendidikan alam sekitar yang ada sekarang ini memadai
82 untuk keselesaan hidup di masa akan datang? Terangkan.

83 **Pelajar**

84 Pada pandangan saya, pendidikan alam sekitar sekarang ini perlu dipertingkatkan lagi
85 kerana Pendidikan Alam Sekitar tidak diajar secara menyeluruh dan hanya sedikit
86 sahaja yang ditekankan semasa guru mengajar. Ini menyebabkan para pelajar tidak
87 dapat mempelajari mengenai alam sekitar dengan lebih baik.